

**WARISAN KEBUDAYAAN KETARA DAN TIDAK  
KETARA DI TELUK MARUDU SEBELUM TAHUN  
1881**

**PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**ANY FARINA MANZES**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA  
SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2019**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **WARISAN KEBUDAYAAN KETARA DAN TIDAK KETARA DI TELUK MARUDU SEBELUM TAHUN 1881**

IJAZAH: **IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH)**

Saya **ANY FARINA MANZES**, sesi pengajian **2016-2019**, mengaku membenarkan tesis Sarjana Sastera ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / )

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



**ANY FARINA MANZES**  
**MA1611024T**




Disahkan Oleh,

**NORAZLYNNE MOHU. JOHAN @ JAKLYNE**  
PUSTAKAWAN

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

(Tandatangan Pustakawan)



(Encik Baszley Bee Bin Basrah Bee)

Penyelia

Tarikh: 21 Jun 2019



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGAKUAN

Karya yang bertajuk *Warisan Kebudayaan Ketara dan Tidak Ketara di Teluk Marudu Sebelum Tahun 1881* merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

26 MAC 2019



Any Farina Manzes  
MA1611024T




## PENGESAHAN

NAMA : **ANY FARINA MANZES**  
NOMBOR MATRIK : **MA1611024T**  
TAJUK : **WARISAN KEBUDAYAAN KETARA DAN TIDAK  
KETARA DI TELUK MARUDU SEBELUM TAHUN  
1881**  
IJAZAH : **SARJANA SASTERA (SEJARAH)**  
TARIKH VIVA : **26 MAC 2019**

**DISAHKAN OLEH;**

Tandatangan

PENYELIA  
ENCIK BASZLEY BEE BIN BASRAH BEE



---



## PENGHARGAAN

Pertama sekali, syukur kepada Tuhan kerana memberikan berkat dan kekuatan dari mula sehingga tesis ini selesai.

Terima kasih buat keluarga Makantal yang tercinta kerana banyak memberikan sokongan, dorongan dan juga kata-kata semangat sepanjang pengajian ini. Khusus buat ibubapa saya iaitu Meliah Molijau dan Manzes Makantal, terima kasih kerana sentiasa memahami keperluan dari segi bantuan kewangan dan juga sokongan yang tidak terhingga. Buat adik-beradik saya iaitu Amy Liana, Reonel dan Aeron, terima kasih kerana sentiasa bersabar dengan keadaan dan sentiasa menghulurkan bantuan ketika perlu.

Seterusnya, terima kasih kepada En. Baszley Bee B. Basrah Bee selaku penyelia kerana banyak memberikan bantuan, nasihat, dorongan dan peluang untuk menghasilkan tajuk penyelidikan ini sehingga selesai. Terima kasih atas segala perkongsian pendapat, maklumat dan perbincangan berkaitan penyelidikan ini. Terima kasih juga kerana memberikan saya peluang dan pengalaman untuk bersama-sama menjalankan kerja lapangan di bawah Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo, UMS. Tidak lupa juga, kepada En. Zainuddin Baco kerana banyak memberikan teguran dan tunjuk ajar yang berguna berkaitan kajian ini. Jasamu sentiasa dikenang. Terima kasih juga kepada pensyarah HA24 iaitu Dr. Maureen De Silva, Prof. Madya Dr. Bilcher Bala, Dr. Md. Saffie Abdul Rahim, En. Eko Prayitno Joko, En. Shaukhi Mohd Radzi dan Prof. Madya Dr. A. Rahman Tang Abdullah kerana banyak memberikan cadangan idea yang bernas setiap semester.

Terima kasih juga kepada kumpulan penyelidik UPark FKSW dan rakan seperjuangan, Manual Damilan, Jaswin Jelinus, Alexzander Ginli, Nurul Mardhiah Ahmad Lotfee dan Nordiana Nasuha Molinka kerana mengimbangi kehidupan sosial saya dalam mengharungi perjuangan ini. Kepada senior saya, Aping Sajok dan Amy Azuan Abdullah, terima kasih juga kerana sentiasa memberikan semangat dan bimbingan serta tunjuk ajar sepanjang pengajian ini. Kepada Roderick Malani yang dikasihi, terima kasih kerana sentiasa bersabar dan tidak putus-putus memberi sokongan moral kepada saya.

Akhir sekali, terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung kerana telah membantu saya dalam mendapatkan maklumat serta data yang saya perlukan dalam tesis ini. Begitu juga kepada semua informan yang ditemubual dan telah memberikan bantuan sepanjang kerja lapangan bagi mengumpul data dan maklumat berkaitan kajian ini. Semoga Tuhan memberikan ganjaran pahala dan berkat kepada semua.

Any Farina Manzes  
26 Mac 2019



## ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai tinggalan warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara di sekitar kawasan Teluk Marudu sehingga tahun 1881 iaitu sebelum era BNBC. Ia dilakukan untuk merungkai kepentingan Teluk Marudu dalam konteks warisan kebudayaan yang akan dijelaskan berdasarkan aspek kartografi awal, tradisi lisan, peristiwa bersejarah dan tapak bersejarah. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah arkeologi survei yang melibatkan survei primer dan sekunder. Dapatan kajian menunjukkan persisiran Teluk Marudu merupakan sebuah kawasan penting di utara Borneo sebelum abad ke-19 Masihi lagi. Perkara ini dibuktikan dengan penamaan tapak dan perkaitannya dengan pelbagai peristiwa sejarah dan legenda



## **ABSTRACT**

### ***Tangible and Intangible Cultural Heritage of Marudu Bay Before 1881***

*This study is about the absence of tangible and intangible cultural heritage around the Marudu Bay area until 1881, before the BNBC. It was undertaken to unravel the importance of the Marudu Bay based on the context of cultural heritage which will be explained on the aspects of early cartographic, oral traditions, historic events and historical sites before 1881. The approach used in this study is based on survey archaeological methods involving primary and secondary surveys. Based on the findings of the study, the coastal area of Marudu Bay was an important area in North Borneo before the 19th century AD. Site naming and its relevance to various historical and legendary events proves this.*



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI PETA</b>	x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI FOTO</b>	xiii
<b>SENARAI ILUSTRASI</b>	xvi
<b>SENARAI CARTA</b>	xvii
<b>SENARAI LAKARAN</b>	xviii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xix
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xx
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Sorotan Literatur	4
1.5 Kepentingan Kajian	13
1.6 Skop Kajian	15
1.7 Kaedah Kajian	16
1.8 Pembahagian Bab	18
1.9 Kesimpulan	20
<b>BAB 2 : TELUK MARUDU DALAM KONTEKS KARTOGRAFI AWAL BORNEO UTARA SEBELUM 1881</b>	<b>21</b>
2.1 Pengenalan	21
2.2 Sumber Kartografi Awal Borneo	22
2.2.1 Sumber China	22
2.2.2 Sumber Arab	25
2.2.3 Sumber Eropah	30
2.2.4 Sumber Lain	36
2.3 Teluk Marudu Dalam Konteks Kartografi Awal Borneo	37





2.3.1	Sumber China	38
2.3.2	Sumber Arab	39
2.3.3	Sumber Eropah	39
2.3.4	Sumber Lain	57
2.4	Kesimpulan	57
 <b>BAB 3 : TRADISI LISAN DAN PERISTIWA BERSEJARAH DI TELUK MARUDU SEBELUM 1881</b>		58
3.1	Pengenalan	58
3.2	Teluk Marudu Dalam Konteks Tradisi Lisan	59
3.2.1	Kudat dalam Konteks Tradisi Lisan	60
3.2.2	Tanjung Simpang Mengayau dalam Konteks Tradisi Lisan	61
3.2.3	Marudu dalam Konteks Tradisi Lisan	62
3.2.4	Bukit Sagang dalam Konteks Tradisi Lisan	65
3.2.5	Pulau Supirak dalam Konteks Tradisi Lisan	68
3.3	Teluk Marudu Dalam Konteks Peristiwa Sejarah Sebelum 1881	77
3.3.1	Hubungan Perdagangan	78
3.3.2	Kewujudan Pelabuhan Awal	82
3.3.3	Kewujudan Kerajaan Awal	84
3.3.4	Kewujudan Petempatan Awal	86
3.3.5	Peristiwa Perang Kerajaan Marudu	88
3.4	Kesimpulan	96
 <b>BAB 4 : TAPAK BERSEJARAH DI SEKITAR TELUK MARUDU SEBELUM 1881</b>		97
4.1	Pengenalan	97
4.2	Tapak bersejarah di Sekitar Teluk Marudu	98
4.2.1	Tanjung Simpang Mengayau	99
4.2.2	Limau-Limauan	102
4.2.3	Milau	107
4.2.4	Muara Sungai Langkon	109
4.2.5	Makam Syarif Osman	112
4.2.6	Bukit Sagang	116

4.2.7	Pulau Tambun	121
4.2.8	Muara Sungai Tandek	125
4.2.9	Muara Sungai Marasinsim	129
4.2.10	Muara Sungai Bengkoka	131
4.2.11	Pulau Supirak	134
4.3	Analisis dan Perbincangan	146
4.4	Kesimpulan	149
<b>BAB 5 : ISU, MASALAH DAN CADANGAN</b>		151
5.1	Pengenalan	151
5.2	Isu dan Masalah	151
5.2.1	Kartografi Awal	152
5.2.2	Tradisi Lisan	153
5.2.3	Peristiwa Bersejarah	156
5.2.4	Tapak Bersejarah	161
5.3	Cadangan	180
5.4	Kesimpulan	182
<b>BAB 6 : RUMUSAN</b>		183
<b>RUJUKAN</b>		191
<b>LAMPIRAN</b>		198

## SENARAI PETA

	Halaman
Peta 1.1: Kedudukan Teluk Marudu dalam Peta Sabah	15
Peta 2.1: Peta Dunia oleh al-Idrisi tahun 1154	28
Peta 2.2: Kepulauan Borneo oleh Antonio Pigafetta 1525	31
Peta 2.3: Marudo dalam Peta Caspar Viegas, 1537	43
Peta 2.4: Marudo dalam Peta Anonymous, 1540	44
Peta 2.5: Morudu dalam Peta Fernao Vaz Dourado, 1576	44
Peta 2.6: Marudo dalam Peta Bartolomeu Lasso dan Petrus Plancius 1592-1594	45
Peta 2.7: Marudo dalam Peta Tehodore de Bry, 1602	46
Peta 2.8: Marudo oleh Jodocus Hondius, 1606	46
Peta 2.9: Marudo oleh Petrus Bertius, 1618	47
Peta 2.10: Marudo oleh John Speed, 1626	47
Peta 2.11: Marudo oleh Nicolas Sanson, 1650	48
Peta 2.12: Marudo oleh Johann Baptist Homann 1707	49
Peta 2.13: Marudo oleh Lasu 1725	49
Peta 2.14: Marudo oleh Valentjin, 1726	50
Peta 2.15: Teluk Marudu dengan Ejaan oleh Isacc Trition 1740	50
Peta 2.16: Malloodoo oleh Alexander Dalrymple 1770	51
Peta 2.17: Malloodoo dalam Peta Raynal. G, 1780	51
Peta 2.18: Malloodoo oleh John Cary 1801	54
Peta 2.19: Malloodoo dalam Peta A. Arrowsmith, 1812	54
Peta 2.20: Marudo dalam Peta Pinkerton, J 1818	55
Peta 2.21: Marudo dalam Peta oleh Colton G. W, 1855	55
Peta 2.22: Marudo dalam Peta oleh BNBC, 1881	56
Peta 3.1: Pengaruh Kekuasaan Syarif Osman di Teluk Marudu	89
Peta 4.1: Kedudukan Tanjung Simpang Mengayau dalam Teluk Marudu	99
Peta 4.2: Kedudukan Limau-limauan di Teluk Marudu	104
Peta 4.3: Kedudukan Milau di Teluk Marudu	108
Peta 4.4: Kedudukan Sungai Langkon di Teluk Marudu	110
Peta 4.5: Kedudukan Bukit Sagang di Teluk Marudu	117
Peta 4.6: Kedudukan Pulau Tambun di Teluk Marudu	117



Peta 4.7:	Kedudukan Muara Sungai Tandek di Teluk Marudu	125
Peta 4.8:	Kedudukan Muara Sungai Marasimsim di Teluk Marudu	129
Peta 4.9:	Kedudukan Muara Sungai Bangkoka di Teluk Marudu	132
Peta 4.10:	Kedudukan Pulau Supirak di Teluk Marudu	135
Peta 4.11:	Lokasi Tapak Berhampiran Pulau Supirak di Malubang, Pitas	143
Peta 4.12:	Kedudukan Lokasi Setiap Tapak Secara Keseluruhan di Teluk Marudu Sebelum 1881	149
Peta 5.1:	Simbol Berbentuk Rumah di Bahagian Utara Borneo	159



## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1: Ahli Kartografi Awal Borneo Abad ke-16 Masihi	33
Jadual 2.2: Ahli Kartografi Borneo Abad ke-17 Masihi	34
Jadual 2.3: Ahli Kartografi Borneo Abad ke-18 Masihi	35
Jadual 2.4: Ahli Kartografi Borneo Abad ke-19 Masihi	35
Jadual 2.5: Peta Utara Sabah yang menyentuh Kawasan Marudu dalam Kartografi Awal Borneo dari abad ke-16 Hingga 19 Masihi	41
Jadual 3.1: Lokasi Penemuan Artifak Dagangan di Perairan Teluk Marudu	81
Jadual 3.2: Pelabuhan Awal di Teluk Marudu	83
Jadual 3.3: Penempatan Awal di Teluk Marudu Sebelum 1881	87
Jadual 4.1: Tapak Bersejarah di Teluk Marudu Sebelum 1881	98
Jadual 4.2: Tapak Yang Dikaitkan Dengan Pulau Supirak, Malubang Pitas	142
Jadual 4.3: Analisis Tapak	147

## SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 3.1: Tinggalan Timbunan Batu Sungai di Puncak Bukit Sagang (2018)	67
Foto 3.2: Mozik 1, Pusat Informasi Pulau Supirak (2017)	72
Foto 3.3: Mozik 2, Pusat Informasi Pulau Supirak (2017)	72
Foto 3.4: Mozik 3, Pusat Informasi Pulau Supirak (2017)	73
Foto 3.5: Mozik 4, Pusat Informasi Pulau Supirak (2017)	73
Foto 3.6: Mozik 5, Pusat Informasi Pulau Supirak (2017)	74
Foto 3.7: Mozik 6, Pusat Informasi Pulau Supirak (2017)	74
Foto 3.8: Mozik 7, Pusat Informasi Pulau Supirak (2017)	75
Foto 3.9: Mozik 8, Pusat Informasi Pulau Supirak (2017)	75
Foto 4.1: Tanjung Simpang Mengayau Kudat (2018)	101
Foto 4.2: Tanjung Simpang Mengayau Yang Menampakkan Keadaan Tanjung dan Kawasan perairan (2018)	102
Foto 4.3: Teluk laluan Pintasan Yang Sebelum Ini Merupakan Laluan Kapal (2018)	105
Foto 4.4: Laluan Pintasan menuju ke Pulau Limau-limauan (2018)	106
Foto 4.5: Tapak Kubur Lama Kerabat Keluarga Panglima Untung (2018)	106
Foto 4.6: Keadaan Sungai Milau (2018)	109
Foto 4.7: Lokasi Muara Sungai Langkon yang terletak di Marudu Laut (2018)	112
Foto 4.8: Batu Nisan Makam Syarif Osman (2018)	114
Foto 4.9: Lokasi Pertama Makam pengikut Syarif Osman (2018)	114
Foto 4.10: Jenis Batuan yang terdapat disekitar kawasan Makam Syarif Osman (2018)	115
Foto 4.11: Lokasi Kedua Makam Pengikut Syarif Osman yang pada hari ini merupakan lokasi makam penduduk kampung (2018)	115
Foto 4.12: Tugu Peringatan Makam Syarif Osman (2018)	116
Foto 4.13: Bukit Sagang, Kampung Simpangan (2018)	117
Foto 4.14: Timbunan Batu Misteri yang seolah-olah disusun di bahagian Puncak Bukit Sagang (2018)	118

Foto 4.15:	Foto Bukit Sagang Pada Tahun 1989	120
Foto 4.16:	Pulau Tambun (2018)	122
Foto 4.17:	Kawasan Pulau Tambun yang dipenuhi dengan kulit kerang (2018)	123
Foto 4.18:	Serpihan Seramik di Pulau Tambun (2018)	124
Foto 4.19:	Keadaan Tapak Tamu Kedua yang terletak di pinggir Sungai Tandek (2018)	127
Foto 4.20:	Keadaan Sungai Marasimsim (2018)	130
Foto 4.21:	Keadaan Sungai Bangkoka Pitas (2018)	134
Foto 4.22:	Pulau Supirak (2017)	136
Foto 4.23:	Batu Berunsai (2017)	137
Foto 4.24:	Batu Talam (2017)	138
Foto 4.24:	Batu Talam (2017)	138
Foto 4.26:	Batu Tandulang (2018)	139
Foto 4.27:	Batu Odu Gerawang Sebelum Runtuhan (2017)	140
Foto 4.28:	Batu Odu Gerawang Selepas Runtuhan (Depan dan Belakang) (2018)	140
Foto 4.29:	Telaga Air Tawar (2017)	141
Foto 4.30:	Jumpaan Kepingan Pecahan Tembikar	144
Foto 4.31:	Jumpaan Tulang Haiwan	145
Foto 4.32:	Jumpaan Alatan Batu	145
Foto 4.33:	Jumpaan Manik-Manik Kecil	146
Foto 5.1:	Bahagian dinding Telaga Air Tawar (2017)	165
Foto 5.2:	Serpihan pecahan dinding Telaga Air Tawar (2017)	166
Foto 5.3:	Bahagian tengah timbunan batu di puncak Bukit Sagang yang telah digali oleh pemburu harta karun (2018)	167
Foto 5.4:	Gerbang Batu Odu Gerawang yang runtuh kesan daripada Luluhawa Fizikal dan Biotik (2017)	169
Foto 5.5:	Kesan luluhawa fizikal yang berlaku ke atas Batu Berunsai (2017)	169
Foto 5.6:	Kesan luluhawa fizikal pada Batu Tandulang (2017)	170
Foto 5.7:	Kesan luluhawa biotik pada tapak Batu Tandulang (2017)	170
Foto 5.8:	Kesan luluhawa biotik pada tapak Batu Berunsai	171



Foto 5.9:	Beting tanah yang merupakan kubu pertahanan Syarif Osman yang memanjang dan mengalami hakisan tanah (2018)	172
Foto 5.10:	Kesan hakisan ombak pada bahagian tepi Pulau Supirak (2017)	173
Foto 5.11:	Kesan hakisan ombak pada bahagian tepi Batu Talam	174
Foto 5.12:	Hakisan ombak yang berlaku pada bahagian tepi Batu Tandulang	174
Foto 5.13:	Retakan pada tapak Batu Tandulang kesan daripada gempa bumi (2017)	176
Foto 5.14:	Tugu yang terbengkalai berhampiran tapak makam Syarif Osman (2018)	178
Foto 5.15:	Keadaan sekitar Pulau Supirak yang ditumbuhi dengan rumput dan lalang akibat tidak dijaga dengan baik (2017)	179
Foto 5.16:	Sampah sarap yang terdapat di bahagian bawah Pulau Supirak (2017)	179



## SENARAI ILUSTRASI

	Halaman
Ilustrasi 2.1: Gambaran Pokok Waq-waq	27
Ilustrasi 3.1: Pelan Kota Pertahanan Syarif Osman di Teluk Marudu	91
Ilustrasi 3.2: Ilustrasi Peperangan di Teluk Marudu Semasa Zaman Syarif Osman.	94

## SENARAI CARTA

Carta Pai 4.1 Jumlah Analisis Artifak Seramik Simpang Mengayau

Halaman  
101

## SENARAI LAKARAN

Lakaran 2.1: Teluk Marudu Dari Sudut Pandang Depan

Halaman  
53



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

- BNBC** - British North Borneo Company
- JKKK** - Jawatankuasa Kesejahteraan dan Kemajuan Kampung
- JMNS** - Jabatan Muzium Negeri Sabah
- JMM** - Jabatan Muzium Malaysia
- JWM** - Jabatan Warisan Malaysia
- KG** - Kampung
- KM** - Kilometer
- USM** - Universiti Sains Malaysia



## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A: Peta Awal Kepulauan Borneo	198
Lampiran B: Gambar berkaitan semasa Kajian Lapangan	200

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Sabah merupakan kawasan dan laluan penting kepada migrasi dan kunjungan awal masyarakat di kepulauan Asia Tenggara. Laluan perairan dan kawasan Sabah merupakan antara kawasan terawal yang menerima migrasi dan kunjungan daripada para pendagang dan pengembara luar. Di samping itu, proses migrasi sebenarnya telah berlaku lebih awal iaitu bermula pada zaman neolitik menerusi penghijrahan masyarakat Austronesia dari Formosa melalui kepulauan Filipina. Hal ini dibuktikan menerusi penemuan artifak dan tapak tinggalan prasejarah di Tingkayu, Gua Hagop Bilo dan Mansuli Lahad Datu.

Kajian sejarah dan arkeologi berkaitan proses migrasi serta tapak bersejarah di Sabah amnya lebih tertumpu di kawasan timur Sabah, sebagaimana kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik dari Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG), Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Jabatan Muzium Sabah (JMS) dan Jabatan Warisan Negara (JWN).<sup>1</sup> Hal ini telah menyebabkan kajian di bahagian utara Sabah kurang diketengahkan. Walhal, kawasan ini turut berpotensi dalam konteks kajian yang berkaitan. Penemuan tapak bersejarah dan pelbagai jenis artifak di perairan Tanjung Simpang Mengayau, Pulau Supirak, Makam Syarif Osman serta kawasan di sekitar perairan Teluk Marudu jelas membuktikan bahawa bahagian Utara Sabah sememangnya merupakan kawasan penting sebagai kawasan petempatan awal, laluan perdagangan awal dan lokasi persinggahan kapal dagangan dari luar sejak abad ke-10 Masihi lagi. Signifikan kajian Teluk Marudu adalah bersandarkan dokumentasi sejarah yang telah direkodkan seawal abad ke-16 Masihi menerusi

<sup>1</sup> Mokhtar Saidin dan Jeffrey Abdullah, *Sumbangan Sabah Kepada Arkeologi Asia Tenggara: Hasil Penyelidikan 20 Tahun (1993-2013)*, Jabatan Muzium Sabah Kota Kinabalu, 2014, hlm. 70-95; Stephen Chia, *Arkeologi Bukit Tengkorak, Sabah, Gelugor*. Perpustakaan Negara Malaysia dan Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2016.



lakaran peta yang dibuat oleh ahli kartografi awal.<sup>2</sup> Secara keseluruhannya, kawasan Teluk Marudu sememangnya antara kawasan penting di Sabah dari sudut sejarah awal sebelum tahun 1881 yang akan dibincangkan dalam kajian ini.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Timbul pelbagai perspektif berkaitan asal usul serta kewujudan Teluk Marudu dalam kartografi awal Borneo. Dalam konteks sumber kartografi awal Kepulauan Borneo, kawasan Teluk Marudu merupakan antara kawasan terawal yang dikenalpasti telah dilakar dalam peta seawal abad ke-16 Masihi iaitu pada tahun 1537 oleh Vegas. Kawasan tersebut diplotkan dengan pelbagai ejaan yang berbeza tetapi mempunyai sebutan yang sama. Misalnya, *Marudu*, *Marudo*, *Manado*, *Morudo* dan *Malloodo*.

Signifikan Teluk Marudu sebagai sebuah kawasan persinggahan, pelabuhan dan juga petempatan awal adalah ekoran daripada kedudukan yang strategik di mana kawasan tersebut terletak di perairan Laut China Selatan dan Laut Sulu. Kawasan tersebut juga telah menjadi tempat berlindung kapal dagangan yang berlayar dari Laut China Selatan ke Butuan dan Kepulauan Sulu melalui Tanjung Simpang Mengayau. Fakta ini diperkukuhkan melalui jumpaan artifak di sekitar kawasan perairan Teluk Marudu yang dipercayai wujud sejak abad ke-10 Masihi lagi. Secara tidak langsung, ini membuktikan bahawa Teluk Marudu merupakan antara kawasan awal yang menjalinkan hubungan perdagangan awal dengan kerajaan luar dan merupakan lokasi penting di bahagian Asia Tenggara pada abad tersebut. Berdasarkan kepada penelitian terhadap catatan Dalrymple sekitar tahun 1769, Teluk Marudu merupakan sebuah petempatan awal di Borneo dan merupakan lokasi kewujudan sebuah Kerajaan Tua seperti mana yang telah dinyatakan oleh beliau;

*...Malloodoo, Malooroo, or Maroodo, as it is differently expressed, was anciently a powerful kingdom; according to Sultan Banteelan's account it still contains 30,000 people: it is in many respects one of the most valuable districts on Borneo.*<sup>3</sup>

<sup>2</sup> Berdasarkan sumber dokumentasi China, Teluk Marudu turut dikenali sebagai *hsi-lung-kung*, *Sha hu chung* atau *Sha-oo-Chung* dalam penulisan *Chu-fan Chih* (1225) dan *Nan-hai Chih* (1304).

<sup>3</sup> Alexander Dalrymple, *An account of what has passed between the India Directors and Alexander Dalrymple intended an introduction to a plan for extending the commerce of the Kingdom*

Berdasarkan kepada sumber sejarah, terdapat beberapa lokasi atau tapak bersejarah di sekitar kawasan lingkungan Teluk Marudu sebelum 1881. Lokasi tersebut dikenalpasti berdasarkan kepada penelitian terhadap pemplotan nama kawasan dalam peta awal. Antara lokasi yang mempunyai signifikan dalam konteks sejarah di Teluk Marudu sebelum 1881 adalah Tanjung Simpang Mengayau, Pulau Limau-limauan, muara Sungai Milau, Makam Syarif Osman, Pulau Tambun, Bukit Sagang, muara Sungai Tandek, muara Sungai Marasinsim, Bangkoka dan Pulau Supirak. Berdasarkan pernyataan diatas, empat persoalan telah dibentuk;-

- i. Apakah kedudukan Teluk Marudu dalam konteks kartografi awal Borneo sebelum tahun 1881?
- ii. Apakah bentuk tradisi lisan dan peristiwa bersejarah yang berlaku di Teluk Marudu sebelum 1881?
- iii. Apakah tapak kebudayaan dan tapak bersejarah di sekitar Teluk Marudu yang masih kekal dan kondisi fizikalnya pada masa kini?
- iv. Apakah isu dan masalah dalam pembuktian serta keberadaan warisan kebudayaan di Teluk Marudu?

### 1.3 Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini dijalankan bagi mencapai tiga objektif iaitu;

- i. Mengkaji kedudukan Teluk Marudu dalam konteks kartografi awal Borneo sebelum 1881.
- ii. Menjelaskan bentuk tradisi lisan dan peristiwa bersejarah yang berlaku di sekitar kawasan Teluk Marudu.
- iii. Meninjau dan mendokumentasi tapak kebudayaan dan tapak bersejarah kawasan atau tapak bersejarah yang masih kekal dan kondisi fizikalnya pada masa kini.
- iv. Meneliti isu dan masalah dalam pembuktian Teluk Marudu dalam konteks kartografi awal, tradisi lisan, peristiwa bersejarah dan tapak kebudayaan.